

D.R. 10/93

Naskhah Sahih—Bahasa Malaysia

RANG UNDANG-UNDANG

bernama

Suatu Akta untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan
1976.

[]

BAHAWASANYA adalah suaimanfaat bagi maksud memastikan keseragaman undang-undang dan dasar untuk meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976:

OLEH YANG DEMIKIAN, menurut peruntukan-peruntukan Fasal (4) Perkara 76, **MAKA INILAH DIPERBUAT UNDANG-UNDANG** oleh Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong dengan nasihat dan persetujuan Dewan Negara dan Dewan Rakyat yang bersidang dalam Parlimen, dan dengan kuasa daripadanya seperti berikut:

1. (1) Akta ini bolehlah dinamakan Akta Kerajaan Tempatan (Pindaan) 1993.

Tajuk ringkas dan mula berkuatkuasa.

(2) Akta ini hendaklah mula berkuatkuasa pada tarikh yang ditetapkan oleh Menteri melalui pemberitahuan dalam *Warta* dan Menteri boleh menetapkan tarikh-tarikh yang berlainan—

(a) bagi mula berkuatkuasanya Akta ini di bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan; atau

(b) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan; atau

- (c) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan di bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 171

2. Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "tangki najis" dalam takrif "bangunan"; dan
(b) dengan memasukkan selepas takrif "kemajuan" takrif baru yang berikut:

"kumbahan" mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993;".

Pindaan
seksyen 72.

3. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "najis manusia, kotoran," dalam perenggan (a);
(b) dengan menomborkan semula seksyen 72 sebagai subseksyen (1); dan
(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Bagi maksud seksyen 72 dan 73, cecair buangan tidak termasuk kumbahan."

Pindaan
seksyen 73.

4. Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "najis manusia, kotoran," dalam perenggan (a);
(b) dengan menomborkan semula seksyen 73 sebagai subseksyen (1); dan
(c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, sesuatu pihak berkuasa tempatan tidak boleh membuat, meminda atau membatalkan mana-mana undang-undang kecil berkenaan dengan kumbahan."

- (c) bagi mula berkuatkuasanya peruntukan-peruntukan Akta ini yang berlainan di bahagian-bahagian Malaysia yang berlainan.

Pindaan
seksyen 2.
Akta 171

2. Seksyen 2 Akta Kerajaan Tempatan 1976, yang disebut "Akta ibu" dalam Akta ini, adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "tangki najis" dalam takrif "bangunan"; dan
(b) dengan memasukkan selepas takrif "kemajuan" takrif baru yang berikut:

‘ “kumbahan” mempunyai erti yang sama yang diberikan kepadanya di bawah Akta Perkhidmatan Pembetungan 1993;

Pindaan
seksyen 72.

3. Seksyen 72 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memolong perkataan "najis manusia, kotoran," dalam perenggan (a);
(b) dengan menomborkan semula seksyen 72 sebagai subseksyen (1); dan
(c) dengan memasukkan selepas subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Bagi maksud seksyen 72 dan 73, cecair buangan tidak termasuk kumbahan.”.

Pindaan
seksyen 73.

4. Seksyen 73 Akta ibu adalah dipinda—

- (a) dengan memotong perkataan "najis manusia, kotoran," dalam perenggan (a);
(b) dengan menomborkan semula seksyen 73 sebagai subseksyen (1); dan
(c) dengan memasukkan selepas sahaja subseksyen (1) subseksyen baru (2) yang berikut:

"(2) Walau apa pun mana-mana peruntukan lain dalam Akta ini, sesuatu pihak berkuasa tempatan tidak boleh membuat, meminda atau membatalkan mana-mana undang-undang kecil berkenaan dengan kumbahan.”.

5. Akta ibu adalah dipinda dengan menggantikan seksyen 128 dengan yang berikut: Seksyen
128 baru.

“Kadar
tambahan. 128. Selain daripada kadar-kadar yang tersebut dalam seksyen 127, pihak berkuasa tempatan boleh dengan cara yang serupa mengenakan suatu kadar pamaritan mengikut seksyen 132.”.

6. Seksyen 130 Akta ibu adalah dipinda—

(a) dengan memotong perenggan (b) dalam subseksyen (2); dan

(b) dengan memotong perenggan (b) dalam subseksyen (3).

Pindaan
seksyen 130.

7. Akta ibu adalah dipinda dengan memotong seksyen 131. Pemotongan
seksyen 131.

8. Bagi mengelakkan was-was dengan ini ditegaskan bahawa walau apa pun apa-apa jua yang terkandung dalam Akta ini, undang-undang yang berhubungan dengan perkhidmatan pembedaan yang pada masa ini berkuatkuasa dalam kawasan pihak berkuasa tempatan hendaklah terus berkuatkuasa melainkan jika dan sehingga Akta ini mula berkuatkuasa bagi kawasan pihak berkuasa tempatan itu. Kecualian.

HURAIAN

Rang Undang-Undang ini bertujuan meminda Akta Kerajaan Tempatan 1976 (kemudian daripada ini disebut "Akta").

2. *Fasal 1* membolehkan Menteri menetapkan tarikh mula berkuatkuasanya Rang Undang-Undang ini,

3. *Fasal 2* bertujuan meminda seksyen 2 Akta dengan memotong perkataan “tangki najis” dalam takrif “bangunan” dan memasukkan takrif baru “kumbahan”.

4. *Fasal 3* bertujuan memasukkan subseksyen baru (2) kepada seksyen 72 bagi memperuntukkan bahawa cecair buangan tidak termasuk kumbahan.

5. *Fasal 4* bertujuan memasukkan subseksyen baru (2) kepada seksyen 73 bagi memperuntukkan bahawa pihak berkuasa tempatan tidak boleh membuat, meminda atau membatalkan mana-mana undang-undang kecil berhubung dengan kumbahan.
6. *Fasal 5* bertujuan menggantikan seksyen 128 dengan seksyen 128 baru untuk membatalkan kuasa yang diberikan kepada pihak berkuasa tempatan mengenakan kadar pembedungan.
7. *Fasal 6* dan *7* bertujuan memotong peruntukan-peruntukan tertentu dalam Akta kerana ia dianggap tidak perlu.
8. *Fasal 8* mengandungi peruntukan kecualian.

IMPLIKASI KEWANGAN

Rang Undang-Undang ini tidak akan melibatkan Kerajaan dalam apa-apa perbelanjaan wang tambahan. [PN. (U²) 1719.]